

Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) Malaysia

Kurikulum Standard Matematik Tambahan

Tingkatan Menengah Tinggi

Disusun oleh:

Jawatankuasa Kurikulum Bersepadu

Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina

Malaysia

Okt 2023

Kandungan

1. Pendahuluan	1
2. Matlamat Umum	1
3. Kompetensi Teras.....	2
4. Prinsip Asas	8
5. Objektif Kurikulum	10
6. Konsep Kurikulum.....	11
7. Kandungan Kurikulum	13
8. Cadangan Pengajaran dan Pembelajaran	28
9. Cadangan Pentaksiran.....	30
10. Pelaksanaan.....	36
11. Lampiran	
Lampiran 1: Domain Kognitif, Psikomotor, dan Afektif.....	39
Lampiran 2: Templat untuk Standard Prestasi	39

1. Pendahuluan

‘Guru Berdedikasi, Pelajar Berprestasi Tinggi’ merupakan visi pendidikan yang disarankan dalam ‘Pelan Induk Pendidikan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC)’. Visi pendidikan tersebut adalah untuk menjadikan SMPC sebagai taman pembelajaran yang selesa dan kondusif untuk guru dan pelajar menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Setiap pelajar yang mendapat pendidikan di SMPC sihat dan aktif dalam pembelajaran. Pelajar SMPC bukan sahaja dapat bersaing di tanah air sendiri, malahan dapat bertanding di arena antarabangsa. Lantaran itu, pendidikan SMPC mampu menjamin masa depan pelajar. Objektif pembaharuan kurikulum bertujuan untuk memperkembang potensi setiap pelajar dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetika secara holistik serta berupaya membangunkan tanggapan kendiri yang positif. Usaha ini dijangka dapat melahirkan pelajar yang mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat, meningkatkan nilai kendiri, berani meneroka, berinovasi, berani menyahut cabaran, berkeyakinan, dan mempunyai semangat kerja berpasukan. Selain itu, pelajar juga bersedia untuk menyumbang kepada keluarga, masyarakat, bangsa, dan negara demi mewujudkan keharmonian, kemakmuran, kemajuan, kebebasan, dan kesaksamaan. Demi menerapkan visi dan objektif tersebut, Jawatankuasa Kurikulum Bersepadu telah mengemukakan Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum SMPC (disingkatkan sebagai ‘Garis Panduan’ dalam perbincangan seterusnya) pada Mac 2020 untuk menentukan hala tuju pelaksanaan pembaharuan dan pengembangan kurikulum SMPC.

Matlamat pembaharuan kurikulum SMPC adalah untuk melahirkan ‘pengamal pembelajaran sepanjang hayat’. Rombakan ini juga menitikberatkan kandungan kurikulum setiap mata pelajaran dan mewujudkan peluang pembelajaran merentas kurikulum demi memupuk pembelajaran kendiri, komunikasi dan bekerjasama serta keterlibatan dalam aktiviti masyarakat dalam kalangan pelajar. Kurikulum standard setiap mata pelajaran digubal mengikut prinsip dan hala tuju yang dbincangkan dalam Garis Panduan dan memperlengkap prinsip asas, objektif, kompetensi, konsep kurikulum, kandungan kurikulum, cadangan pengajaran dan pembelajaran serta cadangan pentaksiran yang terkandung dalam kurikulum standard. Dari aspek pelaksanaan kurikulum, keanjalan dan pilihan, pembelajaran koperatif, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran berasaskan inkuiri dan sebagainya haruslah dititikberatkan. Dari aspek pentaksiran, penggunaan pelbagai bentuk penilaian digalakkan supaya dapat mencungkil potensi pelajar dalam pelbagai bidang. Penggubalan kurikulum standard SMPC hendaklah selaras dengan visi Pelan Induk Pendidikan SMPC dan cadangan Garis Panduan.

2. Objektif Umum

Pendidikan SMPC ialah usaha yang berterusan. Selain mewariskan nilai kebudayaan Cina, pendidikan SMPC juga memperkembang potensi setiap pelajar dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetika secara holistik dan mempunyai personaliti yang tersendiri. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan pelajar yang dapat mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat, peningkatan nilai kendiri, berani meneroka, berinovasi, berani menyahut cabaran, berkeyakinan, dan mempunyai semangat kerja berpasukan. Selain itu, pelajar juga mampu mengejar kebahagiaan dalam hidup dan juga bersedia untuk menyumbang kepada keluarga, bangsa, masyarakat, dan negara demi mewujudkan keharmonian, kemakmuran, kemajuan, kebebasan, dan kesaksamaan¹.

2.1 Objektif Pendidikan Tingkatan Menengah Rendah (TMR)

- a. Mengembangkan keupayaan pelajar untuk mencapai keseimbangan dalam pembangunan secara holistik dan berkeperibadian dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetika.
- b. Memupuk kemampuan pelajar untuk belajar, membaca, dan menaakul supaya membuat persediaan untuk pembelajaran kendiri.
- c. Memastikan pelajar mencapai tahap asas dari segi kognitif, psikomotor, dan afektif serta mencungkil potensi pelajar dan mengejar prestasi yang cemerlang.
- d. Membentuk pelajar yang bersikap positif dan proaktif dalam kehidupan.
- e. Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang dapat mengenali dan memahami bahasa, budaya, dan agama pelbagai kaum di Malaysia serta membimbing pelajar menghormati kepelbagaiannya budaya, mempunyai jati diri, dan berperspektif global.

2.2 Objektif Pendidikan Tingkatan Menengah Tinggi (TMT)

- a. Mengembangkan kebolehan pelajar mengikut kesesuaian peribadi dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetika supaya bersiap sedia untuk melanjutkan pelajaran, menceburti bidang kerjaya dan keusahawanan serta kehidupan baharu pada masa hadapan.
- b. Melengkapkan pelajar dalam pengukuhan pembelajaran kendiri, memupuk tabiat mencari ilmu, dan menguasai kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.
- c. Memupuk semangat pelajar untuk mengejar kecemerlangan dan altruistik, demi mencapai kesejahteraan diri sendiri, masyarakat, negara serta manusia sejagat.
- d. Membimbing pelajar supaya lebih mengenali diri sendiri dan berkeyakinan menghadapi masa hadapan serta berkemampuan menangani perubahan masyarakat dan peralihan zaman.
- e. Memupuk sikap pelajar supaya berkomitmen terhadap keluarga, bangsa, masyarakat, dan negara serta menghormati kepelbagaiannya budaya dan berperspektif global.
- f. Menyediakan ruang kepada pelajar untuk menyertai kegiatan pelbagai budaya supaya pelajar dapat belajar dan berinteraksi dalam masyarakat majmuk.

¹ Dong Zong. (2018). *Pelan Induk Pendidikan SMPC* (p. 49). Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong).

3. Kompetensi Teras

Garis Panduan digubal berdasarkan sembilan kompetensi teras, iaitu enam kompetensi teras yang disarankan dalam Pelan Induk Pendidikan SMPC² dan ditambahkan lagi tiga kompetensi untuk tujuan pembangunan kurikulum. Kompetensi ini menitikberatkan pembangunan modal insan, ilmu pengetahuan, nilai dan sikap. Kandungan kompetensi teras ini diuraikan di bahagian rancangan kurikulum TMT dan TMR.

Rajah 1

Kerangka Kompetensi Teras



Rajah 1 memaparkan matlamat kurikulum SMPC untuk melahirkan individu yang mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat. Matlamat ini disepadukan dengan tiga prinsip utama, iaitu pembelajaran kendiri, komunikasi dan bekerjasama serta keterlibatan dalam masyarakat. Warna bagi lingkungan luar Struktur Kompetensi Teras merupakan warna spektrum yang menunjukkan gabungan sembilan kompetensi teras dengan tiga prinsip utama. Garis di dalam dan di luar lingkungan yang tidak sejajar menjelaskan bahawa setiap kompetensi teras berhubung kait dengan pelaksanaan ketiga-tiga prinsip utama. Berdasarkan prinsip pengintegrasian yang menyeluruh dan juga mempertimbangkan kemampuan pelaksanaannya, Garis Panduan akan mempromosikan setiap prinsip utama dengan tiga kompetensi. Keterangan lanjut dipaparkan dalam Jadual 1.

² Dong Zong. (2018). *Pelan Induk Pendidikan SMPC* (pp. 40-41). Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong).

Jadual 1

Kandungan Kompetensi Teras dan Profil Pelajar TMR dan TMT

Prinsip Asas	Kompetensi Teras	Keterangan	TMR	TMT	Profil Pelajar
A. Pembelajaran Kendiri	A1. Keseimbangan Fizikal dan Mental serta Estetika	Berkemampuan menjaga kesihatan fizikal dan mental demi perkembangan yang seimbang, dapat menghayati keindahan kehidupan, mengaplikasi pengalaman pembelajaran dan kehidupan, membuat penyesuaian pada setiap peringkat kehidupan yang dikehendaki untuk kesihatan fizikal dan mental, sikap positif dan proaktif demi kebahagiaan dalam kehidupan.	Sedar akan kepentingan perkembangan fizikal dan mental diri yang sihat, mengenali nilai keindahan, mengenali harga diri dalam kehidupan, menunjukkan kekayaan dan pengalaman kehidupan, sikap proaktif untuk menghadapi makna hidup.	Mempertingkatkan perkembangan fizikal dan mental, menghayati keindahan dan kebaikan manusia dan persekitaran, berkeyakinan dengan harga diri, memahami hala tuju kehidupan, menikmati kehidupan, sentiasa meningkatkan kemajuan kendiri untuk mencipta kebahagiaan dalam kehidupan.	Individu yang Sayangi Diri Sendiri
	A2. Pemanfaatan Ilmu Pengetahuan dan Penggunaan Teknologi	Menguasai kemahiran membaca, menulis, mengira serta kemahiran hidup, menguasai mata pelajaran teras seperti bahasa Cina, bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Matematik, dan Sejarah, mempelajari dan memahami pengetahuan bidang lain, memanfaatkan teknologi maklumat untuk menjalankan komunikasi dan interaksi supaya	Mempunyai ilmu pengetahuan dan mengenali pelbagai jenis simbol komunikasi, serta dapat mengaplikasikan penggunaan teknologi maklumat, menyelesaikan masalah kehidupan dan berinteraksi.	Berkemampuan mengaplikasikan penggunaan simbol komunikasi dan teknologi maklumat serta dapat menguasai ilmu pengetahuan sesuatu bidang secara mendalam dan dapat berkongsi pengalaman dan pendapat serta berfikir kreatif dan mampu menyelesaikan masalah.	Individu yang Berpengetahuan

Prinsip Asas	Kompetensi Teras	Keterangan	TMR	TMT	Profil Pelajar
		mencapai pembangunan secara keseluruhan, serta mengaplikasikannya dalam pembelajaran demi meningkatkan keberkesanannya pembelajaran dan mengatasi masalah pembelajaran.			
	A3. Pemikiran Kreatif dan Penyelesaian Masalah	Berkemampuan meneroka, berfikiran secara kritis dan kreatif, menguasai kemahiran pembelajaran kendiri untuk menangani masalah kehidupan harian dan dapat membuat keputusan dalam perubahan masyarakat.	Mempunyai kemahiran aras tinggi seperti pembelajaran kendiri, berfikiran secara kritis dan kreatif, menggunakan strategi yang sesuai untuk mengatasi urusan harian dan isu dalam kehidupan.	Mempunyai kemahiran aras tinggi, berfikiran secara kritis dan kreatif dengan lebih mendalam, mengamalkan pembelajaran kendiri, meneroka bidang yang baharu, dapat menyelesaikan masalah harian dan cabaran dalam kehidupan.	Individu yang Mampu Menyelesaikan Masalah
B. Komunikasi dan Bekerjasama	B1. Sikap Proaktif dan Nilai Positif	Mempunyai nilai hormat-menghormati, bertanggungjawab, rajin dan berfikiran positif dalam menghadapi cabaran dan rintangan dalam kehidupan harian dan pembelajaran, sedar akan kepentingan mengamalkan	Meneroka nilai kendiri dan nilai persekitarannya, mengamati perbezaan antara nilai diri sendiri dengan nilai persekitarannya, berusaha menerima perbezaan antara diri sendiri dengan orang lain, memupuk nilai	Mempunyai nilai hormat-menghormati, kasih sayang dan menghargai perbezaan sikap dan fikiran antara diri dengan orang lain, meneroka antara nilai kendiri dengan nilai persekitarannya, berusaha menangani konflik dan	Individu yang Mempunyai Kasih Sayang


Prinsip Asas	Kompetensi Teras	Keterangan	TMR	TMT	Profil Pelajar
		tanggungjawab masyarakat, berani membuat keputusan yang rasional semasa menghadapi cabaran dan rintangan, dapat menerima perbezaan dan dapat menangani konflik.	hormat-menghormati, bertanggungjawab, rajin dan berfikiran positif.	mengamalkan nilai baik dan bersikap positif serta berani membuat keputusan yang rasional semasa menghadapi cabaran dan rintangan.	
	B2. Kelepimpinan dan Berpasukan	Mempunyai daya kepimpinan, dapat bekerjasama dengan berkesan dan membina hubungan dan interaksi yang baik dengan orang lain, berkemampuan berkomunikasi dan berkoordinasi, menyertai aktiviti dan khidmat masyarakat serta kerja-kerja berpasukan.	Berkemampuan dalam pengurusan diri dan mempunyai tabiat yang baik, bantu-membantu, menjalinkan hubungan yang baik, dapat menjalankan tugas melalui kerja berpasukan.	Bersikap empati, berkemampuan menilai dan bersosial, meningkatkan kemampuan berkomunikasi dan koordinasi serta kerja berpasukan, dapat berinteraksi dan bekerjasama dengan baik, mempunyai rancangan dan kaedah untuk menjalankan tugasan.	Individu yang Boleh Kerja Berpasukan
	B3. Kompetensi Bahasa dan Berkomunikasi	Mengenali budaya, adat resam, dan agama sesuatu bahasa, mewarisi nilai budaya Cina melalui pembelajaran bahasa Cina, memupuk semangat kenegaraan melalui penguasaan bahasa Melayu, menguasai bahasa Inggeris untuk kegunaan peringkat antarabangsa, berkemampuan menguasai	Mengenali budaya bahasa, adat resam, dan agama sesuatu bahasa, mewarisi nilai budaya Cina melalui pembelajaran bahasa Cina, dapat berkawan dengan bangsa lain dengan penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, mempertingkatkan kemahiran bertutur, membaca dan menulis,	Menguasai dan menghayati keindahan bahasa Cina, melalui penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk mengenali budaya, adat resam, agama yang terdapat di dalam dan di luar negara, berkemampuan menguasai pelbagai bahasa asing demi kegunaan dalam	Individu yang Mahir Berkomunikasi

Prinsip Asas	Kompetensi Teras	Keterangan	TMR	TMT	Profil Pelajar
		pelbagai bahasa serta dapat menggunakan bahasa yang dipelajari dengan baik dalam pelbagai situasi demi mewujudkan komunikasi yang berkesan.	sedar akan kepentingan peranan bahasa untuk mewarisi sesuatu budaya dan untuk berkomunikasi.	pembelajaran dan kerjaya pada masa depan.	
C. Keterlibatan dalam Masyarakat	C1. Nilai Etika dan Keprihatinan Kemanusiaan	Berakh�ak mulia, akauntabiliti, sedar akan tindakan meningkatkan status sendiri adalah tanggungjawab terhadap masyarakat, sentiasa menyempurnakan karakter sendiri melalui pembelajaran, bersikap terbuka, dan menghormati orang untuk kebebasan bersuara.	Berakh�ak mulia, akauntabiliti, bersikap positif untuk melaksanakan perubahan, bersikap terbuka untuk berbincang dan menerima pandangan orang lain, menghormati keputusan seseorang.	Prihatin terhadap isu-isu semasa, berdisiplin, peramah, bertoleransi, mengemukakan pendapat dengan cara yang baik terhadap isu-isu masyarakat, melihat isu-isu semasa daripada pelbagai sudut.	Individu yang Bersikap Terbuka
	C2. Patriotisme dan Kepelbagai Budaya	Menghargai budaya masyarakat sendiri, memahami dan menghormati budaya masyarakat bangsa lain, berintegrasi, mengetahui sejarah negara, menerima kepelbagai budaya dalam negara, bangga dan bertanggungjawab sebagai warganegara, berusaha	Memahami budaya sendiri, memahami dan menerima budaya masyarakat bangsa lain, menghormati perbezaan, mengambil berat akan isu negara, aktif dalam pembangunan dan khidmat masyarakat.	Menghargai budaya masyarakat sendiri, menghormati dan menghayati perbezaan antara pelbagai budaya, mempunyai tanggungjawab sebagai wargenegera, berusaha menjaga keharmonian dan perpaduan, aktif dalam pembangunan masyarakat dan negara demi	Individu yang Bersemangat Patriotik

Prinsip Asas	Kompetensi Teras	Keterangan	TMR	TMT	Profil Pelajar
		menjaga keharmonian dan perpaduan.		kesejahteraan.	
	C3. Bervisi Global dan Pembangunan Secara Mampan	Keprihatinan tentang isu global dan keadaan antarabangsa serta isu persekitaran, ekonomi dan masalah masyarakat, menjaga alam sekitar demi kesejahteraan, berkonsepkan pembangunan lestari dan menghargai sumber bumi.	Mengenali isu global dan keadaan dunia, dapat meluahkan pendapat tentang isu-isu alam sekitar, ekonomi dan sosial, mengamalkan kehidupan yang dapat menjaga alam sekitar dan menghargai sumber bumi, mengambil berat akan isu alam sekitar dan isu dalam masyarakat.	Berkemampuan memberikan pendapat mengenai isu-isu global dan keadaan dunia, boleh berdebat tentang isu persekitaran, ekonomi dan masalah sosial, menjaga alam sekitar demi kesejahteraan, menyertai kempen melindungi alam sekitar dan aktiviti menegakkan keadilan masyarakat.	Individu yang Berkonsep Pembangunan Lestari

Rajah 2

Hubungan antara Prinsip Asas Kompetensi Teras dan Objektif Pendidikan



4. Prinsip Asas

Misi dan objektif “Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum” adalah untuk mencapai visi “Guru Berdedikasi, Pelajar Berprestasi Tinggi”, melaksanakan objektif-objektif keseluruhan dalam Pelan Induk Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC), untuk menggalakkan pembinaan upaya menyeluruh dan sahsiah murid-murid. Matematik merupakan sejenis bahasa, salah satu subjek yang aplikasinya luas dalam pelbagai bidang, serta berteraskan literasi kemanusiaan. Standard kurikulum Matematik Tambahan ini berselaras dengan visi-visi dalam “Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum”, rekaan kandungan kurikulum bersepadan dengan sifat-sifat tersebut, menawarkan peluang pembelajaran situasional kepada pelajar-pelajar serta memupuk kebolehan pelajar-pelajar dalam penggunaan alat teknologi maklumat. Konsep diterangkan seperti berikut:

1. Matematik sebagai sejenis bahasa

Asal-usul matematik berkaitan dengan pengiraan, pengukuran, perdagangan dan sebagainya. Ia juga dihalusi dari bahasa alami, mempamerkan idea kepermuhan dari idea kompleks ke idea mudah. Justeru itu, matematik memainkan peranan penting dalam kemajuan budaya.

Kuantiti, bentuk, ruang, serta hubungan antara unsur-unsur yang tersebut dalam kehidupan harian boleh diterangkan dengan cara lebih ringkas melalui teks dan simbol. Keringkasan bahasa matematik membolehkan fenomena dan hubungan yang rumit diterangkan dalam formula atau prinsip yang ringkas dan jelas. Kepersisan bahasa matematik boleh menebus kekurangan bahasa alami dalam ekspres. Oleh itu, pengajaran matematik patut dilaksanakan dengan operasi dan penjelasan contoh-contoh sebelum megajar teori abstrak.

2. Aplikasi matematik dalam pelbagai bidang

Matematik adalah bidang yang menyelidik konsep tentang kuantiti, ruang, struktur, perubahan dan informasi. Matematik diaplikasikan dalam keperluan harian, eksplorasi fenomena semulajadi, tafsiran fenomena social, analisis isu kewangan, perkembangan sains dan sebagainya. Ia merupakan alat asas untuk menganalisis dan menyelesaikan masalah dalam bidang-bidang tersebut. Contoh-contoh aplikasi matematik adalah beraneka, antaranya termasuk: aplikasi nisbah dan kadar dalam pertukaran mata wang; aplikasi pemfaktoran integer besar dalam sistem enkripsi; aplikasi sistem angka dalam kod piawai ASCII; aplikasi prinsip indeks dalam pengiraan faedah kompaun; aplikasi logaritma dalam pengiraan separuh hayat unsur radioaktif atau nilai pH dalam larutan; aplikasi trigonometri dalam pengiraan ukuran; aplikasi fungsi trigonometri memanfaatkan penyelidikan gelombang; aplikasi statistik dalam pelaburan perniaggan, sains aktuari, biologi dan sains sosial; aplikasi kalkulus dalam ekonomi dan sebagainya.

3. Matematik mengandungi semangat kemanusiaan

Matematik adalah sebahagian yang mustahak daripada budaya manusia. Definisi dan teorem matematik yang rapi naratifnya, penyelesaian masalah matematik yang beraneka ragam, pembuktian teorem matematik yang nyata dan wajar, bukan sahaja mampu memupuk minda logik dan kreativiti pelajar, malah juga memupuk semangat mencari kebenaran, sikap adil dan saksama, serta menghormati fakta. Pembentangan estetik rasional, simbol, struktur, simetri, kecekapan metodologi dan sebagainya dalam konotasi matematik dapat mempertingkatkan ilmu dan pengalaman estetik pelajar-pelajar. Biografi dan sumbangan ahli-ahli matematik, sejarah matematik, dan budaya matematik, mendedahkan pelajar-pelajar kepada ilmu latar belakang dan proses berkaitan dengan matematik serta memberi peluang kepada mereka untuk menghargai keajaiban matematik. Mereka juga akan memahami semua penerokaan matematik merupakan hasil titik peluk atas keazaman dan keteguhan penyelidik, maka memupuk minda rasional dan sikap positif pelajar-pelajar tanpa disedari.

4. Pengajaran Matematik patut memberi pengalaman belajar kontekstual kepada pelajar

Kelas matematik patut meningkatkan motivasi belajar dengan pengajaran dari kehidupan harian, sejarah matematik atau isu sosial, disusul dengan tugasan pembelajaran, membimbing pelajar-pelajar meneroka, berbincang secara kumpulan dan menyelesaikan masalah secara koperatif. Dengan demikian, pelajar dapat membina konsep matematik dan mengembangkan kecekapan berkenaan dalam pembelajaran tersebut. Melalui perkongsian strategi menyelesaikan masalah dan pendengaran pendapat-pendapat orang lain, pelajar dapat belajar secara muhasabah, mengukuhkan pemahaman tentang kandungan kurikulum. Ini membolehkan pelajar mengalami kewujudan matematik di sekililing kita, menghargai keajaiban dan nilai praktikal matematik. Sementara itu, pelajar-pelajar yang berbeza mampu juga berpeluang mempelajari matematik.

5. Pengajaran matematik memupuk kemahiran pelajar dalam teknologi maklumat

Pada abad ke-21, teknologi maklumat termasuk komputer dan perisian komputer memainkan peranan pembantu yang penting dalam pengajaran matematik. Penggabungan teknologi maklumat dengan kurikulum matematik boleh menyelaraskan kandungan pembelajaran agar bersesuaian dengan konteks kehidupan harian dan sosial. Selepas pelajar menguasai prinsip pengiraan, pelajar boleh dibenarkan menggunakan komputer atau alat teknologi maklumat dalam pengiraan aritmetik, statistik, indeks, logaritma dan nisbah trigonometri yang berulang-ulangan dan rumit, supaya motivasi belajar tidak terjejas. Oleh sebab penggunaan alat teknologi maklumat mungkin membawa ralat pengiraan, maka masa dan had pengiraan dengan komputer atau alat teknologi maklumat harus dititikberatkan supaya pelajar dapat memupuk sikap penggunaan alat berkenaan yang betul. Penggabungan perisian komputer dengan pengajaran matematik di bilik darjah mendorong rekaan dan implementasi eksperimen meneliti, perbincangan berkumpulan dan pedagogi yang serupa, seterusnya menggalakkan perkembangan intelek dan innovatif.

5. Objectif Kurikulum

Keselarasan Objektif Kurikulum Matematik Tambahan dengan Kompetensi Teras SMPC

Kompetensi Teras		Objektif Kurikulum	
		Pada akhir pembelajaran, pelajar dapat:	
A Pembelajaran Kendiri	A1 Keseimbangan Fizikal dan Mental serta Estetika	CO1	Mempunyai kemahiran dalam peningkatan kualiti fizikal dan mental; boleh belajar kendiri; menghargai munasabah, etika dan estetika sekeliling; memahami matematik sebagai dasar penciptaan seni.
	A2 Pemanfaatan Ilmu Pengetahuan dan Teknologi	CO2	Mengaplikasikan ilmu dan bahasa matematik dalam konteks kehidupan; mengaplikasikan komputer dan perisian komputer untuk menyelesaikan masalah; memahami pengehadan alat teknologi maklumat.
	A3 Pemikiran Kreatif dan Penyelesaian Masalah	CO3	Memiliki upaya untuk mengubah konteks kehidupan harian kepada konteks matematik; memilih dan melaksanakan strategi yang sesuai untuk menangani masalah dengan minda cerdas.
B Komunikasi dan Bekerjasama	B1 Sikap Proaktif dan Nilai Positif	CO4	Mempunyai keyakinan dan sikap positif tentang pembelajaran matematik; menawarkan penyelesaian yang munasabah apabila menghadapi cabaran.
	B2 Kepemimpinan dan Berpasukan	CO5	Mempunyai empati, sikap bekerjasama; berinteraksi sesama rakan sebaya; mampu memperkembangkan literasi berkomunikasi dan kolaborasi melalui aktiviti pembelajaran matematik; melengkapkan tugas dengan perancangan dan langkah terlebih dahulu.
	B3 Kompetensi Bahasa dan Berkommunikasi	CO6	Menguasai matematik dalam Bahasa Cina; berupaya mengutarakan pendapat dalam bahasa matematik di samping memahami istilah-istilah dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris demi lanjutan pelajaran atau perkembangan kerjaya masa depan.
C Keterlibatan dalam Masyarakat	C1 Nilai Etika dan Keprihatinan Kemanusiaan	CO7	Mempunyai pemikiran kritis dan mahasabah; memberi perhatian dan mempertimbang isu awam dari perspektif lain.
	C2 Patriotisme dan	CO8	Menganalisis informasi dan isu negara atau sosial, mengungkapkan kerisauan terhadap negara atau

	Kepelbagaiannya Budaya		masyarakat, menjadi rakyat yang rasional; memahami konteks matematik dan mentaksir budaya matematik dari tempat lain.
	C3 Bervisi Global dan Pembangunan Secara Mampu	CO9	Memahami perkembangan matematik dan trend teknologi masa depan; dapat memberi perhatian atau isu sosial dan kelestarian persekitaran melalui pembelajaran matematik.

6. Konsep Kurikulum

6.1 Jalan Fikiran untuk Reka Bentuk Struktur

Sifat matematik adalah berhierarki: dari pengiraan aras rendah, ke konsep matematik abstrak aras tinggi. Formasi konsep matematik perlu melalui proses evolusi dari yang mudah ke yang kompleks, dari yang konkret kepada yang abstrak. Ataupun, konsep dan kemahiran matematik aras tinggi adalah berasaskan konsep dan kemahiran dasar. Oleh yang demikian, pembelajaran matematik harus beransur-ansur, langkah demi langkah.

Matematik (TMT) berasaskan Matematik (TMR), melanjutkan kurikulum hingga tiga domain, iaitu algebra, geometri, statistik dan kebarangkalian, dan akhirnya kalkulus. Penyusunan kurikulum spiral untuk Matematik (TMT) sesuai untuk memperkenalkan titik pengetahuan dalam pelbagai bidang. Titik pengetahuan akan diperkembangkan dan diperdalam mengikut tahun pembelajaran. Kurikulum Tingkatan Menengah Tinggi Satu menekankan geometri, algebra dan disusul oleh trigonometri lanjutan; Tingkatan Menengah Tinggi Dua pula melanjutkan kurikulum algebra dan geometri dan disusul oleh statistik dan kebarangkalian; manakala Tingkatan Menengah Tinggi Tiga akan memperkenalkan kalkulus dan disusul oleh asosiasi kalkulus dengan algebra, geometri, trigonometri, statistik dan kebarangkalian.

Matematik (TMT) diajar dalam aliran seni, aliran sastera, aliran seni dan sastera, serta aliran teknikal. Selain daripada mempamerkan logika matematik, kurikulum Matematik (TMT) juga merangkumi aplikasi matematik sebagai suplemen. Matematik Tambahan pula diajar dalam aliran sains. Justeru itu, ia bukan merangkumi sukanan Matematik(TMT) sahaja, malah juga persamaan pembezaan, kaedah matematik, kon, nombor kompleks dan ruang vektor yang lebih abstrak. Semua ini menubuhkan asas bagi matematik gunaan dan teori matematik.

6.2 Pembahagian Waktu

Tingkatan Menengah Tinggi Satu, Dua dan Tiga terdapat 40 minggu pembelajaran bagi setiap tahun masing-masing. Tingkatan Menengah Tinggi Satu dan Tingkatan Menengah Tinggi Dua disyorkan 7 waktu setiap minggu; manakala Tingkatan Menengah Tinggi Tiga disyorkan 5 waktu setiap minggu. Setiap waktu pembelajaran ialah 40 minit.

Jadual 3

Pembahagian Waktu Bagi Matematik Tambahan di Tingkatan Menengah Tinggi Satu sampai Tiga


Subjek	Sasaran	Tingkatan Menengah Tinggi Satu		Tingkatan Menengah Tinggi Dua		Tingkatan Menengah Tinggi Tiga		3 tahun tempoh persekolahan	
		Kredit	Waktu seminggu	Kredit	Waktu seminggu	Kredit	Waktu seminggu	Jumlah kredit	Jumlah waktu seminggu
Matematik Tambahan	Aliran Sains	14	7	14	7	10	5	38	$7 \times 2 \times 40 + 5 \times 40 = 760$ waktu

6.3 Struktur Subjek

Matematik dalam tingkatan menengah tinggi dibahagi kepada Matematik(TMT) dan Matematik Tambahan agar memenuhi keperluan pembelajaran bagi aliran seni, sastera, teknikal dan sains. Matematik (TMT) berasas dari Matematik (TMR) dan strukturnya koheren. Matematik(TMT) ialah subset bagi Matematik Tambahan, maka semua pelajar wajib belajar bersungguh-sungguh.

Rajah 3

Struktur Subjek Matematik



7. Kandungan Kurikulum

7.1. Standard Kandungan

Tema	Perkara	Pernyataan
1. Sistem Koordinat Cartesan dan Garis Lurus	1.1 Rumus pembahagian Garis	1.1.1. Kepentingan titik tetap pembahagian garis menurut nisbah yang diberi
		1.1.2. Kepentingan tumpas titik tengah
		1.1.3. Kepentingan rumus pembahagian garis
	1.2 Luas Segi Tiga dan Luas Poligon	1.2.1. Cari luas segi tiga atau luas poligon melalui koordinat semua titik
	1.3 Kecerunan Garis Lurus	1.3.1. Definisi sudut condong dan kecerunan
		1.3.2. Persamaan garis lurus dalam syarat tertentu (bentuk titik-kecerunan, bentuk am)
		1.3.3. Syarat-syarat garis selari dan garis serenjang
		1.3.4. Hubungan antara dua garis lulus (selari, serenjang, sekena, bersilang)
	1.4. Jarak Antara Titik dan Garis Lulus	1.4.1. Definisi jarak antara titik dan garis lulus
		1.4.2. Rumus untuk cari jarak antara titik dan garis lurus
2. Persamaan Kuadratik dalam Satu Pembolehubah	2.1. Perbincangan tentang Persamaan Kuadratik dalam Satu Pembolehubah	2.1.1. Sifat-sifat persamaan kuadratik dalam satu pembolehubah
		2.1.2. Pembezalayan punca persamaan kuadratik dalam satu pembolehubah
		2.1.3. Hubungan antara punca-punca dan pekali persamaan kuadratik dalam satu pembolehubah
	2.2. Graf dan Nilai Ekstrim bagi Persamaan Kuadratik dalam Satu Pembolehubah	2.2.1. Persamaan kuadratik dalam satu pembolehubah dalam ungkapan kuadrat sempurna
		2.2.2. Graf, arah pembukaan parabola, paksi simetri, nilai maksimum atau minimum bagi persamaan kuadratik dalam satu pembolehubah
		2.2.3. Kepentingan punca persamaan kuadratik
		2.2.4. Pembezalayan untuk mendapat nombor titik persimpangan antara graf dan garis
		2.2.5. Cari nilai ekstrem dalam fungsi kuadratik berbentuk $y = a(x - p)^2 + q$

		2.2.6. Transformasi graf $f(x) = ax^2 + bx + c$
3. Polinomial	3.1. Polinomial	<p>3.1.1. Darjah, pekali, pekali pelopor, sebutan malar bagi polinomial</p> <p>3.1.2. Aritmetik dan pembahagian sintesis bagi polinomial, kepentingan faktor dan gandaan</p>
	3.2. Teorem Baki dan Teorem Faktor	<p>3.2.1. Teorem Baki dan Teorem Faktor</p> <p>3.2.2. Kaedah memperoleh faktor dan gandaan dalam syarat tertentu</p> <p>3.2.3. Kaedah memperoleh polinomial daripada faktor atau gandaan tertentu</p>
	3.3. Pemfaktoran Polinomial	<p>3.3.1. Pemfaktoran polinomial</p> <p>3.3.2. Aplikasi teorem faktor dalam pemfaktoran polinomial</p>
	3.4. Penyelesaian Persamaan Berdarjah Tinggi dalam Satu Anu	<p>3.4.1. Persamaan berdarjah tinggi dalam satu anu</p> <p>3.4.2. Penyelesaian persamaan berdarjah tinggi dalam satu anu yang istimewa melalui kaedah pertukaran pembolehubah</p>
4. Ekspresi Tidak Rasional	4.1 Radikal	<p>4.1.1. Kepentingan dan sifat-sifat radikal</p> <p>4.1.2. Penukaran indeks radikal yang lain kepada indeks radikal yang sama bagi radikal</p>
	4.2. Indeks Pecahan	<p>4.2.1. Kepentingan kuasa indeks pecahan</p> <p>4.2.2. Operasi aritmetik dalam kuasa</p> <p>4.2.3. Ringkasan ekspresi radikal dengan pecahan</p> <p>4.2.4. Syarat-syarat memenuhi radikal bentuk termudah</p> <p>4.2.5. Penukaran radikal kepada radikal bentuk termudah</p>
	4.3. Arimetik Radikal	<p>4.3.1. Arimetik radikal</p> <p>4.3.2. Applikasi eksponen dalam bentuk pecahan dalam pendaraban atau pecahan radikal</p>
	4.4. Faktor Berasional dan Penyebut Berasional	<p>4.4.1. Kepentingan faktor berasional dan penyebut berasional</p> <p>4.4.2. Proses merasionalkan penyebut dalam bentuk $\sqrt{a} \pm \sqrt{b}$</p>
5. Fungsi	5.1. Fungsi	<p>5.1.1. Kepentingan perpadanan dan pemetaan</p> <p>5.1.2. Definisi fungsi, pembolehubah tak bersandar, pembolehubah bersandar</p> <p>5.1.3. Tatatanda fungsi (Fungsi cebis demi cebis, kaedah analitik, kaedah jadual, kaedah</p>

		grafikal)
	5.2. Domain dan Julat bagi Fungsi	<p>5.2.1. Kepentingan domain dan julat</p> <p>5.2.2. Domain dan julat bagi fungsi</p> <p>5.2.3. Definisi dan tata tanda interval, penukaran antara bentuk set dengan interval</p>
	5.3. Imej Fungsi	<p>5.3.1. Kepentingan imej fungsi</p> <p>5.3.2. Imej dan sifat fungsi asas (fungsi malar, fungsi linear, fungsi kuadratik, fungsi nilai mutlak, fungsi salingan)</p> <p>5.3.3. Imej fungsi dan transformasinya</p>
	5.4 Fungsi Gubahan	<p>5.4.1. Kepentingan fungsi gubahan</p> <p>5.4.2. Fungsi gubahan dan pengiraannya</p>
	5.5. Fungsi Satu Ke Satu dan Keseruluh	<p>5.5.1. Kepentingan fungsi satu ke satu, fungsi keseruluh, fungsi satu ke satu dan keseruluh</p> <p>5.5.2. Penentuan fungsi satu ke satu, fungsi keseruluh, fungsi satu ke satu dan keseruluh</p>
	5.6. Fungsi Songsang	<p>5.6.1. Kepentingan fungsi songsang, domain dan julat fungsi songsang</p> <p>5.6.2. Cara memperoleh fungsi songsang dan aritmetik fungsi songsang</p> <p>5.6.3. Kepentingan graf fungsi songsang</p>
6. Ketaksamaan	6.1. Ketaksamaan dan Sifat-sifatnya	<p>6.1.1. Konsep ketaksamaan</p> <p>6.1.2. Sifat-sifat ketaksamaan</p> <p>6.1.3. Perbandingan antara dua ungkapan</p>
	6.2. Ketaksamaan Kuadratik dalam Satu Pembolehubah	<p>6.2.1. Ketaksamaan kuadratik</p> <p>6.2.2. Sistem ketaksamaan kuadratik</p>
	6.3. Ketaksamaan Linear dalam Dua Pembolehubah	<p>6.3.1. Kaedah graf untuk menyelesaikan ketaksamaan linear dalam dua anu</p> <p>6.3.2. Kaedah graf untuk menyelesaikan ketaksamaan linear serentak dalam dua anu</p> <p>6.3.3. Maksud Graf untuk menyelesaikan ketaksamaan linear dalam dua pembolehubah</p>
	6.4. Ketaksamaan Berdarjah Tinggi dalam Satu Pembolehubah dan Ketaksamaan dalam Bentuk Pecahan	<p>6.4.1. Ketaksamaan berdarjah tinggi dalam satu pembolehubah</p> <p>6.4.2. Ketaksamaan dalam bentuk pecahan</p>

	6.5. Ketaksamaan Nilai Mutlak	6.5.1. Ketaksamaan nilai mutlak
	6.6. Pengaturcaraan Linear	6.6.1. Kepentingan pengaturcaraan linear 6.6.2. Penyelesaian masalah-masalah berkaitan dengan pengaturcaraan linear
7. Logik	7.1. Pernyataan	7.1.1. Kepentingan pernyataan, penafian, “Atau”, dan “Dan” 7.1.2. Pentakbiran
	7.2. Pernyataan Bersyarat	7.2.1. Kepentingan syarat perlu dan syarat cukup dan kedua-duanya
	7.3. “Semua” dan “Wujud”	7.3.1. Definisi bagi “semua” dan “wujud” 7.3.2. Pembuktian ringkas berdasarkan syarat-syarat tertentu
8. Darjah dan Radian	8.1. Sudut	8.1.1. Sudut arbitrarji 8.1.2. Kepentingan darjah dan radian 8.1.3. Penukaran antara darjah dengan radian
	8.2. Panjang Lengkok dan Luas Sektor	8.2.1. Rumus-rumus bagi panjang lengkok dan luas sektor 8.2.2. Penyelesaian masalah-masalah berkaitan dengan panjang lengkok dan luas sektor
9. Fungsi Trigonometri bagi Sudut Arbitrari	9.1. Fungsi Trigonometri bagi Sudut Arbitrari	9.1.1. Definisi sudut sukuan, sudut berkait dan fungsi trigonometri bagi sudut arbitrarji 9.1.2. Nilai-nilai bagi fungsi trigonometri arbitrarji dan nilai tandanya 9.1.3. Penyelesaian masalah-masalah berkaitan dengan nilai fungsi bagi sudut khas
	9.2. Formula Induksi bagi Fungsi Trigonometri	9.2.1. Kaedah mencari nilai-nilai fungsi trigonometri dalam bentuk $360^\circ \pm \theta$, $180^\circ \pm \theta$, $-\theta$, $90^\circ \pm \theta$, $270^\circ \pm \theta$ tanpa menggunakan kalkulator, dan hubungan antara nilai-nilai tersebut dengan θ
	9.3. Graf Fungsi Trigonometri	9.3.1. Graf-graf fungsi trigonometri dan sifat-sifatnya (domain, julat dan tempoh) 9.3.2. Transformasi graf bagi fungsi Trigonometri
	9.4. Fungsi Trigonometri Songsang	9.4.1. Definisi dan julat bagi fungsi trigonometri songsang 9.4.2. Graf-graf fungsi trigonometri songsang dan sifat-sifat mereka
10. Aplikasi Trigonometri	10.1. Petua Sinus	10.1.1. Petua sinus 10.1.2. Jejari bulatan lilit
	10.2. Petua Kosinus	10.2.1. Petua kosinus
	10.3. Luas Segi Tiga	10.3.1. Rumus-rumus luas segi tiga (Luas)

		$= \frac{1}{2}ab \sin C$, Rumus Heron)
	10.4. Isu-isu Pengukuran	10.4.1. Definisi sudut dongakan, sudut tunduk dan sudut bearing 10.4.2. Penyelesaian masalah-masalah berkaitan dengan pengukuran satah trigonometri
11. Identiti Trigonometri dan Persamaan Trigonometri	11.1. Identiti Asas Trigonometri	11.1.1 Hubungan salingan, hubungan hasil bagi dan hubungan kuadrat dalam fungsi trigonometri sama sudut 11.1.2. Pembuktian identiti trigonometric
	11.2.1. Fungsi Trigonometri bagi Sudut Majmuk dan Sudut Berganda	11.2.1. Ringkasan fungsi trigonometri (Hasil tambah dan tolak bagi sinus, kosinus, tangen) dan pengesahan identiti trigonometri 11.2.2. Ringkasan rumus sudut berganda bagi fungsi trigonometri dan pembuktianya
	11.3. Persamaan Trigonometri	11.3.1. Persamaan trigonometri (penyelesaian bersyarat) 11.3.2. Persamaan trigonometri (Penyelesaian umum)
12. Indeks dan Logaritma	12.1. Fungsi Eksponen	12.1.1. Sifat-sifat dan aritmetik fungsi eksponen 12.1.2. Graf fungsi eksponen dan sifat-sifat graf
	12.2. Fungsi Logaritma	12.2.1. Definisi, sifat-sifat dan aritmetik fungsi logaritma 12.2.2. Rumus penukaran bagi asas logaritma 12.2.3. Graf fungsi logaritma dan sifat-sifat graf
	12.3. Persamaan Eksponen dan Persamaan Logaritma	12.3.1. Persamaan eksponen 12.3.2. Persamaan logaritma
13. Janjang dan Siri	13.1. Janjang dan Siri	13.1.1. Kepentingan sebutan am dan janjang sebutan 13.1.2. Aplikasi symbol \sum untuk mewakili siri
	13.2. Janjang Aritmetik dan Siri Aritmetik	13.2.1. Sebutan pertama dan beza sepunya janjang aritmetik 13.2.2. Rumus sebutan am bagi janjang aritmetik 13.2.3. Definisi nilai min aritmetik 13.2.4. Rumus hasil tambah siri aritmetik
	13.3. Janjang Geometri dan Siri Geometri	13.3.1. Sebutan pertama dan nisbah sepunya janjang geometri 13.3.2. Rumus sebutan am bagi janjang geometri 13.3.3. Definisi nilai min geometri 13.3.4. Rumus hasil tambah siri geometri

		13.3.5. Definisi siri tak terhingga bagi janjang geometri
		13.3.6. Rumus hasil tambah ketakterhinggaan bagi janjang geometri
13.4. Anuiti dan Fadeah Kompaun	13.4.1. Kepentingan anuiti dan faedah kompaun	
	13.4.2. Penyelesaian masalah-masalah berkaitan dengan anuiti dan faedah kompaun	
13.5. Hasil Tambah Siri Khas	13.5.1. Hasil tambah Siri khas	
14. Penentu	14.1. Penentu	14.1.1. Definisi penentu peringkat satu, peringkat dua dan peringkat tiga
		14.1.2. Pengembangan penentu peringkat tiga
		14.1.3. Sifat-sifat dan nilai bagi penentu
		14.1.4. Cari nilai penentu dengan pengembangan kofaktor
	14.2. Sifat-sifat Penentu	14.2.1. Sifat-sifat penentu
	14.3. Petua Cramer	14.3.1. Petua Cramer
15. Matriks	15.1. Matriks	15.1.1. Kepentingan matriks, matriks sama, matriks sifar, matriks identiti dan matriks transposisi
	15.2. Aritmetik Matriks	15.2.1. Penambahan dan penolakan matriks
		15.2.2. Pendaraban skalar matriks
		15.2.3. Pendaraban matriks
	15.3. Matriks Songsang dan Aplikasi	15.3.1. Kepentingan matriks songsang
		15.3.2. Matriks songsang bagi matriks segiempat sama peringkat dua dan matriks segiempat sama peringkat tiga
	15.4. Persamaan Linear Serentak	15.4.1. Aplikasi matriks dalam persamaan linear serentak (matriks songsang, kaedah Gaussian Penghapusan)
16. Bulatan	16.1. Persamaan Bulatan	16.1.1. Definisi lokus
		16.1.2. Persamaan bentuk piawai bulatan dan persamaan bentuk am bulatan berdasarkan syarat tertentu
		16.1.3. Berdasarkan persamaan bulatan atau syarat-syarat lain, cari pusat bulatan dan jejari bulatan
